

Soal ekonomi perlu difahami— Dr Mahathir

Oleh FARUSH KHAN /

KUANTAN, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menekankan perlunya ahli-ahli Umno di Pahang memahami masalah serta peluang ekonomi di negeri ini khususnya dan di Malaysia amnya.

Menurutnya, dengan fahaman itu dapatlah ahli-ahli Umno sama-sama berusaha menunaikan tanggungjawab bagi mencapai hasrat masa depan yang lebih bahagia.

Perdana Menteri berkata demikian dalam kata-kata aluan buku cenderamata Konvensyen Umno Pahang Ketiga selama dua hari bermula di sini esok.

Belliau berharap konvensyen itu bukan sahaja memberi kesempatan kepada peserta-peserta khususnya para pemimpin Umno melahirkan cadangan dan pendapat, bahkan memahami sesuatu bidang dengan lebih jelas.

"Dengan demikian dapatlah masing-masing mengambil langkah atau tindakan yang sesuai bagi mencapai matlamat yang kita hajatkan," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan aspek 'pemahaman yang jelas' dan 'langkah yang sesuai' kerana "ke-

duanya amat penting dalam menentukan samada sesuatu usaha itu berjaya atau gagal."

"Pengalaman mengajar kita bahawa kejayaan dalam usaha apa pun tidak semata-mata bergantung kepada keyakinan dan kesungguhan tetapi juga kepada persediaan yang lengkap dan sempurna dan langkah atau tindakan yang kena," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri merangkap Presiden Umno, persediaan yang sempurna dan langkah yang kena tidak dapat dibuat jika tidak betul-betul memahami apa yang hendak dikerjakan.

Menilai

Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Pahang, Datuk Najib Tun Razak dalam perutusannya berkata, konvensyen seperti itu dapat digunakan untuk menilai kembali prestasi Umno selama ini dan merumuskan serta menyusun strategi-strategi baru dalam usaha parti itu meningkatkan keadaan sosial ekonomi orang Melayu.

Belliau yang juga Menteri Besar Pahang, berharap konvensyen itu dapat melahirkan pandangan-pandangan baru sebagai panduan bagi mencapai matlamat perjuangan berlandaskan kepada kepentingan bangsa, agama dan tanahair.

Datuk Najib akan menyampaikan ucapan dasar yang meliputi berbagai aspek dalam konvensyen tersebut esok.

Datuk Seri Dr. Mahathir merangkap Ketua Perhubungan Umno Pahang akan merasmikan penutupan konvensyen itu. Kira-kira 400 perwakilan terdiri daripada 50 wakil dari tiap-tiap lapan Umno bahagian di Pahang dijangka hadir.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia